



05 MAY, 2026

THT kembali temui rentak permainan

Utusan Malaysia, Malaysia



THT kembali temui rentak permainan

PETALING JAYA: Jurulatih Pasukan Hoki Terengganu (THT), Mohd Harfizi Baharom percaya pemainnya kembali menemui rentak sebenar selepas mencatat kemenangan bergaya 4-1 ke atas Territory Stingers, kelmarin.

Harfizi berkata, pemainnya menunjukkan semangat juang yang tinggi ketika menentang kelab dari Australia itu dan jelas membuktikan mereka sudah bersedia untuk kembali mencabar kejuaraan Liga Hoki Malaysia (LHM).

"Apa yang saya boleh katakan adalah motivasi pemain berada di tahap terbaik di mana sebelum ini kami gagal mencipta kemenangan ketika bertemu TNB Thunderbolts selepas seri 1-1.

"Namun, kali ini mereka sudah kembali menemui rentak masing-masing dan hasilnya kami berjaya memperoleh satu kemenangan dan membolehkan kami mencabar kedudukan liga," katanya.

Kemenangan itu membolehkan THT berada di kedudukan ketiga satu mata di belakang TNB ThunderStars yang mengumpul sembilan mata manakala tangga teratas dihuni oleh Maybank dengan 13 mata.

Pasukan yang berpangkalan di Terengganu itu akan bertemu kelab China, Liaoning di Bukit Jalil, hari ini dan Harfizi mengingatkan anak buahnya agar

ispada dengan anan lawan.

"Liaoning memivadardar kerja pasukan tinggi, satuapan mudah menyebabami dihukum. kami perlu kan momentum ada dan memanaatkan setiap peyang yang l,"